

Newspaper	Kosmo
Date	200613

Untuk beri kefahaman yang lebih baik kepada generasi muda Malaysia

Sejarah negara perlu ditulis semula

Kosmo 20/6/2013

KUALA LUMPUR – Buku-buku sejarah Malaysia perlu ditulis semula dengan mengetengahkan masalah yang dihadapi negara pada masa lampau dan langkah diambil kerajaan bagi menyelesaikan isu seumpama itu supaya sejarah negara lebih difahami generasi muda.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu akan membantu Malaysia membentuk masyarakat yang lebih terdidik seterusnya melahirkan lebih ramai pemimpin yang lantang.

“Ia akan juga membantu menyatukan rakyat Malaysia serta menyediakan pendidikan yang lengkap untuk golongan muda,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan bertajuk *Masa Depan Yang Lebih Baik Bagi Politik Malaysia, Pasca Pilihan Raya Umum Ke-13* pada Forum CEO Yayasan Kepimpinan Perdana di sini semalam.

Menyentuh isu pelajaran, Dr. Mahathir berkata, kewujudan sebuah sekolah kebangsaan di bawah satu bumbung bagi semua kaum dapat menjamin Malaysia yang aman, ber-



DR. MAHATHIR menyampaikan ucapan pada Forum CEO Yayasan Kepimpinan Perdana 2013 di Kuala Lumpur semalam.

satu dan menjamin masa depan lebih baik untuk warganya.

“Masalah yang kita hadapi hari ini ialah kita tidak berkumpul bersama dan jarang bercakap atau menggu-

nakan bahasa kebangsaan. Kita patut menggunakannya lebih kerap dan wajibkan penggunaan dan pembelajaran bahasa kebangsaan,” kata beliau.